

19 FEB 1999

Mahathir-Ilmu

KOMBINASI ILMU DAN BUDAYA MAJUKAN NEGARA, KATA DR MAHATHIR

KOTA KINABALU, 19 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kombinasi antara ilmu dan nilai budaya perlu wujud di kalangan rakyat bagi memastikan kemajuan Malaysia.

Tanpa adunan kedua-dua perkara itu, sesuatu negara tidak akan mencapai kejayaan seperti yang dirancangkan, kata Perdana Menteri semasa berucap pada majlis perjumpaan dengan kakitangan akademik dan mahasiswa Universiti Malaysia Sabah di sini hari ini.

"Kalau kita mendapat bantuan seperti biasiswa tetapi kita tidak menghargainya, maka ianya suatu pembaziran," katanya.

Dr Mahathir berkata hanya bangsa yang sedar perbuatan membazir itu tidak baik, akan maju manakala yang tidak sedar perbuatannya (membazir), tidak akan mengecap kejayaan.

"Jika sesuatu bangsa itu tahu menilai bantuan yang diperolehi dan menggunakannya sepenuh tenaga dan masa bagi menerapkan ilmu, maka bangsa itu akan berjaya," katanya.

Dr Mahathir berharap mahasiswa universiti itu menggunakan sepenuh masa menguasai ilmu, mengenal dan membentuk nilai budaya yang sesuai serta mempunyai visi untuk 10 atau 20 tahun akan datang.

"Mempunyai wawasan harus menjadi budaya kita kerana bila dah ada wawasan kita bersedia untuk mencapai matlamat kita," katanya.

Perdana Menteri juga berkata beliau bangga dengan kewujudan UMS di Sabah kerana penubuhannya bermakna bahawa wawasan dan matlamat kerajaan telah tercapai.

"Semasa saya melakukan pecah tanah kawasan universiti ini pada tahun 1994, saya telah berjanji jika Barisan Nasional menang, sebuah universiti akan ditubuhkan. Dan sekarang saya boleh berbangga kerana pembinaan UMS kini masuk ke fasa kedua," katanya.

Beliau turut merujuk kepada dua buah jambatan, sebuah lama dan sebuah baru, yang dilihatnya semasa dalam perjalanan ke universiti itu.

"Jambatan yang lama itu nampak lama tetapi kosong kerana jambatan itu hanya sesuai bagi pejalan kaki, berbasikal atau kereta ringan, sementara jambatan baru yang sedang dibina itu nampak luas dan kukuh...pembinaan ini nampaknya ada perancangan untuk masa 30 tahun akan datang...ada visi," katanya.

Universiti yang terletak di kawasan bukit mengambil pelajar pertamanya seramai 270 orang pada tahun 1995. Ia kini mempunyai 3,000 mahasiswa yang mengikuti 40 disiplin ilmu.

-- BERNAMA

NZ MAI